

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	10 JULY 2017

## Sokong Anwar strategi akhir

um- 10/7/2017 Pg. 6

**KUANTAN 9 Julai** - Kenyataan Tun Dr. Mahathir Mohamad yang menyokong Datuk Seri Anwar Ibrahim untuk menjadi Perdana Menteri dilihat sebagai strategi terakhir beliau bagi meraih sokongan rakyat.

Ketua Pemuda UMNO negeri, Mohd. Shahr Abdullah berkata, pihaknya tidak terkejut dengan tindakan tersebut berikutan keyakinan rakyat terhadap bekas Perdana Menteri berkenaan terhakis.

“Apabila segala helah terbongkar, beliau mengatur taktik dan strategi baharu untuk menarik kembali sokongan rakyat yang semakin terhakis.

“Mahathir mengeluarkan kenyataan sedemikian sebagai strategi terakhir untuk mencapai apa yang dihajati terutama dalam mengekalkan momentum sokongan kepadanya menjelang Pilihan Raya Umum Ke-14,” katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas temu bual Dr.

Mahathir dalam akhbar Britain, *The Guardian* pada Khamis lalu.

*The Guardian* dalam temu bual dengan Mahathir ketika lawatan beliau ke London melaporkan, Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) itu menyatakan sokongan kepada Anwar sebagai Perdana Menteri sekiranya mendapat pengampunan diraja.

Menurut Mohd. Shahr, sebagai golongan muda, dia mahu Dr. Mahathir berlapang dada dan secara terbuka memberi sokongan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak mentadbir negara.

“Saya sebagai cucu berharap beliau berlapang dada dengan berjiwa besar setaraf dengan gelaran negarawan. Jangan cuba memperkotak-katikan pemikiran rakyat dan cukup-cukuplah melakukan pusingan U,” ujarnya.

Tambahnya, Dr. Mahathir bukan sahaja tidak konsisten dan tiada kesungguhan dalam perjuangan tetapi bersifat talam dua muka.



**MOHD. SHAHR**